



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KERAJAAN TEMPATAN

**PLAN**Malaysia  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

# **TEKS UCAPAN MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023 KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**

**TPr. DR. ALIAS BIN RAMELI**  
Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa

**“MEMPERTEGUH AGENDA PERANCANGAN  
BANDAR DAN DESA KE ARAH  
MALAYSIA MADANI”**

**20 JANUARI 2023 bersamaan 27 Jamadilakhir 1444H | Jumaat**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi dan Salam Perpaduan.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

Yang Dihormati,

Pengarah-Pengarah PLANMalaysia Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengurus-Pengurus Projek, Ketua-Ketua Unit, Ketua-Ketua Seksyen, Pegawai-Pegawai KADER dan Pegawai-pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) serta 857 orang (jawatan yang diisi daripada 942) keluarga PLANMalaysia yang saya kasihi sekalian.

1. Saya mulakan perjumpaan kita pada pagi ini dengan memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya jua, kita semua dapat berkumpul sebagai sebuah Keluarga PLANMalaysia yang utuh, teguh dan harmoni.

**SYUKUR ALHAMDULILLAH.**

2. Semoga kita semua diberikan **kesihatan yang baik**, dipermudahkan urusan sepanjang tahun ini bagi meneruskan tinta perjuangan melaksanakan tugas dan amanah dengan lebih baik lagi.

## **KATA ALUAN**

3. Meniti tarikh 20 Januari 2023 pada hari ini, tidak terlewat rasanya untuk saya dan pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2023** kepada semua warga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) di seluruh Malaysia.
4. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan **Selamat Tahun Baru Cina** kepada semua lapisan pegawai yang akan menyambut dan meraikannya.
5. Sebagai Ketua Perkhidmatan dalam bidang Perancangan Bandar dan Desa, hari ini merupakan **hari yang ke-326 (10 bulan 20 hari)**, atau 39 hari lagi genap setahun, saya mengemudi bahtera jabatan.
6. Saya merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah iaitu YBrs. TPr Md Nazri bin Abdullah dan YBrs. TPr Haji Hassan bin Yaakob yang sentiasa memberi sokongan padu sepanjang tempoh saya menerajui jabatan. Tidak dilupakan ucapan terima kasih juga kepada semua Pengarah-pengarah Negeri, Pengarah-pengarah Pejabat Projek Zon dan Pengarah-pengarah Bahagian.

7. **“Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”** telah mengungkap seribu satu kenangan sepanjang Tahun 2022 kita bekerjasama. Pelbagai cabaran telah kita tempuhi dan saya yakin dengan semangat bekerjasama, kita akan berjaya meneruskan Agenda Memperteguh Perancangan Bandar dan Desa kearah Malaysia Madani secara bersama.

### **UCAPAN TAHNIAH DAN TAKZIAH**

8. Saya juga mengucapkan SYABAS dan TAHNIAH kerana Jabatan telah berjaya mendapat dua (2) sijil iaitu:
  - a. Pensijilan semula MS ISO 9001:2015 berkuatkuasa 7 Januari 2023 hingga 6 Januari 2026; dan
  - b. Pensijilan baharu bagi Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 berkuatkuasa 27 Disember 2022
9. Selain itu, saya memanjatkan doa kepada warga PLANMalaysia yang telah meninggalkan kita semua termasuk bapa saya pada tahun 2022. Semoga roh arwah ditempatkan bersama-sama dengan orang yang beriman.

### **AL FATIHAH**

10. Saya bersama pihak Pengurusan Tertinggi dan warga jabatan mendoakan kesembuhan yang segera kepada pegawai jabatan yang kurang sihat. Semoga beliau terus diberikan kekuatan, sabar dan tabah melalui proses rawatan dan penyembuhan, insya Allah.

## **PRESTASI PERUNTUKAN KEWANGAN**

11. Alhamdulillah, secara keseluruhannya pada tahun 2022, Jabatan telah berjaya mencapai sasaran perbelanjaan bagi peruntukan pembangunan P.43 iaitu **sebanyak 97.79% (RM22,708,890.67)**, manakala **prestasi perbelanjaan mengurus B.43 adalah 100% (RM58,892,444.40)**. Syabas kepada semua yang telah berusaha dan amat komited di dalam memastikan perbelanjaan yang cemerlang ini.

## **REFLEKSI TAHUN 2022**

12. Bagi meneruskan langkah ke hadapan, suka untuk saya mengimbau kembali prestasi empat **(4) Gerak Kerja PLANMalaysia dengan 6 Kaedah Pelaksanaan (Modul Operandi) yang diterjemahkan dalam 14 tekad dan 56 Agenda** yang ditetapkan dalam tempoh 100 hari Pertama saya mentadbir jabatan ini. Ini merupakan satu **KEJAYAAN BERSAMA** dan titik permulaan untuk diamati dan dihayati bersama.
13. Di atas komitmen dan kesungguhan jabatan sepanjang tahun 2022, kita semua telah berjaya melunaskan empat (4) Gerak Kerja PLANMalaysia sebagai suatu amanah baharu yang diberikan pada ketika itu iaitu,

**Gerak Kerja 1 : `Mainstreaming` Perancangan Bandar Dalam Konteks Negara (*Rmk-12*)**

**Gerak Kerja 2 : `Positioning` Planmalaysia Dalam Konteks Kpkt**

**Gerak Kerja 3 : Liputan Media dan `Social Media`**

## **Gerak Kerja 4 : *Planning Beyond Conventional* - Memperkukuhkan Halatuju dan Pengurusan Jabatan**

### **dan Enam (6) Kaedah Pelaksanaan (Modus Operandi):**

*Focus, Complement, Collaborate, Listen, Care Dan Empower*

14. Secara keseluruhannya, sebanyak **1,016 tindakan kerja** telah dilunaskan dan dijayakan, antaranya ialah:

- i. Empat (4) Rancangan Wilayah;
- ii. Tiga (3) Rancangan Tempatan (RT);
- iii. Lima (5) Rancangan Kawasan Khas (RKK);
- iv. Empat (4) *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP);
- v. Penganjuran satu (1) kali Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN);
- vi. Empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW);
- vii. Lapan (8) Mesyuarat Panel Penilai Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA);
- viii. Dua puluh tiga (23) Sesi sebaran/outreach;
- ix. Tujuh belas (17) Program Bandar Selamat Tahun 2022;
- x. Lima (5) pelan tindakan/blueprint bandar pintar yang telah disiapkan;
- xi. Pembangunan Dashboard Rumah Mampu Milik, *Malaysia Urban Observatory* (MUO);
- xii. Dua (2) serahan Projek Brief;
- xiii. Dua (2) pelancaran dokumen;
- xiv. Tiga (3) anugerah yang telah disampaikan pada tahun 2022;
- xv. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 7 - 8 November 2022;

- xvi. Sebelas (11) Sambutan HPBS Peringkat Negeri;
  - xvii. Tiga belas (13) Program Pengantarabangsaan Jabatan;
  - xviii. Lapan (8) sesi wawancara TV;
  - xix. Dua belas (12) sesi wawancara radio;
  - xx. Lima (5) liputan berita TV;
  - xxi. Empat puluh dua (42) liputan berita digital;
  - xxii. Dua (2) penerbitan artikel;
  - xxiii. Tujuh ratus sembilan puluh lapan (798) FB posting;
  - xxiv. Dua belas (12) kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa;
  - xxv. Enam belas (16) kunjungan mesra Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa ke Pejabat Menteri Besar/SUK/Kementerian/Jabatan/Agensi; dan
  - xxvi. Sembilan (9) program/aktiviti sosial.
15. Sudah tentunya kita berasa bangga di atas pencapaian tersebut dan bagi memastikan program dan produk jabatan yang telah dihasilkan memenuhi kehendak dan ekspektasi semua pihak, menjadi satu kewajiban untuk ia diuji secara kolaboratif bersama-sama dengan pihak-pihak berkepentingan.
16. Seyogianya, dengan semangat muafakat dan toleransi daripada semua Keluarga PLANMalaysia, saya berharap Jabatan akan terus memberikan perkhidmatan yang melangkaui kelaziman agar kewujudan Jabatan sentiasa relevan di hati Kerajaan dan rakyat.
17. Antara pembaharuan yang dibuat pada tahun 2022 seiring dengan **Gerak Kerja 3: Liputan Media dan 'Social Media'**, Jabatan telah berjaya mendekati media sosial sebagai medium wacana Jabatan mempromosikan produk-produk di

mana secara keseluruhannya sebanyak **867 tindakan** telah dilaksanakan meliputi perkara-perkara berikut iaitu:

- i. Lapan (8) sesi wawancara TV;
- ii. Dua belas (12) sesi wawancara radio;
- iii. Lima (5) liputan berita TV;
- iv. Empat puluh dua (42) liputan berita digital;
- v. Dua (2) penerbitan artikel; dan
- vi. Tujuh ratus Sembilan puluh lapan (798) FB *posting* telah dimuat naik.

18. Suka untuk saya nyatakan di sini, **SAYA SANGAT MENGHARGAINYA. TERIMA KASIH.**

19. **We have done so much, but we cannot be complacent.**  
Senario global dan negara yang begitu dinamik memerlukan kita sentiasa bersedia untuk menghadapi segala cabaran dan memerlukan perubahan cara bekerja supaya bidang perancangan terus kekal relevan dalam arus pembangunan negara.



## **SENARIO GLOBAL/NEGARA DAN LANGKAH ANTISIPASI JABATAN**

20. Senario global yang berlaku pada masa ini memberi gambaran dan menjelaskan bahawa bidang perancangan dan Desa amat terkait dengan fenomena yang berlaku telah menuntut untuk kita bersedia menerima perubahan dan bertindak tangkas dan tuntas bagi memacu perancangan fizikal dan pembangunan negara.
21. Sepertimana Deklarasi World Urban Forum (WUF) ke- 11 oleh Madam Martha Delgado, Presiden UN-Habitat pada 30 Jun 2022, fokus kepada perubahan iklim dan biodiversiti, pandemik, keganasan, konflik terhadap spesies fauna dan flora yang terancam, peningkatan kos sara hidup (makanan) antara perkara yang diberi perhatian.
22. Menurut laporan akhbar Wall Street, Bank Dunia (WB) telah menurunkan jangkaan terhadap peningkatan ekonomi global tahun ini, dengan mengunjurkannya menjadi perlahan-lahan hingga 1.7%, yang lebih rendah daripada jangkaan dibuat pada Jun 2022, iaitu 3%.

### **APAKAH CABARANNYA?**

#### **23. Pandemik COVID-19**

- Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kehidupan kita semua semenjak Mac 2020 sehingga ke hari ini telah membuka prespektif baharu yang membawa perubahan terhadap pendekatan perancangan. Sehingga 14 Januari 2023, menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Malaysia telah mencatatkan 320 kes.

- Kesedaran mengenai kepentingan aspek kesihatan (health) termasuk *mental health* dalam perancangan bandar kian dilupakan sehingga pandemik COVID-19 berlaku.
- **Sanitary Board Enactment, 1929** digubal dahulu adalah fokus mengenai Kesihatan Awam.
- Perancang bandar perlu memikirkan semula amalan perancangan yang baik yang turut memberi **co-benefit kepada aspek pembangunan mampan** seperti mengelakkan *overcrowded planning, natural ventilation, natural sunlight* dan sebagainya
- **Agile Planning** – penggunaan tanah dan bangunan yang lebih fleksibel.

## 24. Kenaikan Kos Sara Hidup

- Ketegangan dan peperangan antara Rusia dan Ukraine masih belum '*menampakkan cahaya di hujung terowong*' yang **memberi kesan kepada harga komoditi** di seluruh negara.
- Berlaku **Energy Crisis** di Eropah yang menyumbang kepada **energy poverty**.
- Mengakibatkan kenaikan harga makanan dan komoditi di seluruh dunia.
- Perkara ini telah menunjukkan betapa rapuh ekonomi kini sekiranya kita terlalu bergantung kepada import makanan dan komoditi daripada luar negara, yang sekaligus memaksa kita berfikir: **adakah hala tuju kita perlu ke arah *globalization* atau *deglobalization* ke atas perancangan kita?**

- **Adakah fokus masa hadapan kita adalah merancang untuk *self contained*, tidak bergantung kepada negara lain dari segi makanan dan sumber tenaga?**
- Ini akan memberi kesan kepada corak perancangan dan zon guna tanah yang dirancang pada masa hadapan.
- Suka untuk saya menyeru agar usaha-usaha harus dipergiatkan oleh rakan-rakan di PLANMalaysia Negeri dengan kolaborasi bersama Pihak Berkuasa Tempatan untuk memberi nasihat dan panduan bagi mengekalkan Kawasan Sumber Makanan Negara serta menerokai inovasi sektor pertanian bagi meningkatkan jumlah keluaran makanan.

## 25. Perubahan Iklim

- Menurut Laporan Krisis Global 2023, tiga krisis global utama iaitu perubahan iklim, bencana alam dan cuaca ekstrem sekiranya tidak ditangani secara bersama oleh penduduk dunia akan menyebabkan pemanasan global secara berterusan dan dijangka ekologi hancur dalam tempoh 10 tahun akan datang.
- **Tragedi banjir atau bah besar** terutama di pantai timur seperti Kelantan dan Terengganu. Menurut Laporan Berita Harian pada 20 Disember 2022 merekodkan 65 kejadian banjir dalam tempoh 3 hari mengakibatkan petempatan yang terletak di sepanjang sungai di dua negeri ditenggelemi air. Seperti yang diramal oleh MET Malaysia, kejadian ini adalah akibat angin monsun timur laut dan impak perubahan iklim. Walaupun ia merupakan fenomena biasa saban tahun apabila tibanya musim tengkujuh, ia tetap memberi isyarat

terhadap tahap keselamatan rakyat, kemungkinan berlaku kerosakan harta benda, kehilangan nyawa dan kawasan pertanian dan tanaman turut terjejas.

- **Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RPP-2)** yang dilancarkan pada 18 Jun 2022 telah menggariskan pendekatan yang boleh diambil dalam isu – isu berkaitan perubahan iklim seperti **kenaikan aras laut, hakisan pantai dan risiko bencana tsunami. NCVI (National Coastal Vulnerability Index)** telah digariskan bagi seluruh persisiran pantai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai panduan dalam perancangan, pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan guna tanah di persisiran pantai Negara.
- Kajian ini telah mendapati

Tahun	Keluasan Kawasan yang Ditenggelami Air
2030	20,670
2050	23,120
2100	33,562

- Keperluan untuk melaksanakan kesiapsiagaan dari sekarang agar kawasan perbandaran dan desa berdaya tahan serta kalis terhadap bencana perlu diberi perhatian. Untuk itu, atas dasar peranan dan fungsi jabatan program kesedaran dan pendidikan kepada komuniti telah mula diperkenalkan dan diperhebatkan melalui program *Fokus Group Discussion* (FGD) rancangan pemajuan. Contohnya Jabatan melalui penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Setiu 2023 (Penggantian) dan lain-lain rancangan pemajuan yang lain telah menjadikan aspek menangani geo bencana

sebagai medium hebahan penting kepada rakyat untuk bersiap siaga.

## 26. Tragedi Tanah Runtuh

- Kejadian bencana tanah runtuh di Batang Kali, Selangor yang mengorbankan nyawa merupakan fenomena alam di luar jangkaan menuntut kita merancang dengan lebih baik. Walaupun ia bukan secara langsung terlibat dengan profesion Perancang Bandar tetapi kejadian tersebut turut memberi isyarat bahawa kepentingan memelihara dan memulih Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) menjadi agenda negara.
- Oleh itu, apakah peranan dan tindakan kita sebagai Perancang Bandar? **Apakah langkah – langkah proaktif yang boleh dibuat untuk mengurangkan risiko kemusnahan kawasan – kawasan yang bakal menerima impak kenaikan aras laut. Adakah kita telah bersedia mengharungi atau mengelakkan pembangunan di kawasan impak?**

## 27. Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)

- Kepantasan Revolusi Industri 4.0 juga tidak terlepas dengan cabaran yang perlu ditangani oleh perancang bandar.
- Sains dan teknologi telah menjadi asas dan tulang belakang kepada IR 4.0 yang perlu disokong dengan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi perancangan bandar.
- Bagi merealisasikan Dasar Revolusi Perindustrian Negara (4IR), perancangan bandar di masa hadapan perlu dilengkapi dengan elemen saintifik dan analitikal

dalam memberi nilai tambah kepada kualiti perkhidmatan perancangan bandar.

- **Agenda *Smart Cities* dan *MUO* merupakan fokus utama hala tuju jabatan termasuk di peringkat KPKT selain agenda Bandar Selamat yang turut diberi fokus untuk kesejahteraan rakyat.**

## 28. Perubahan Demografi

Di samping itu, Laporan Penunjuk Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik Negara (DOSM) baru – baru ini telah menunjukkan berlaku,

- a. **Peningkatan dalam kalangan penduduk warga emas berumur 60 tahun ke atas,**

Tahun	Bilangan Warga Emas	Peratus
2010	2.2 juta	8.0 %
2020	3.4 juta	10.4 %
2040	6.0 juta	14.5 %

- Para perancang dan Pengurus Bandar di peringkat negeri harus melipatgandakan usaha menerapkan reka bentuk bandar yang mesra pengguna, menjaga kepentingan menghubungkan aksesibiliti dengan komponen guna tanah yang tidak bercanggah dan serasi serta reka bentuk universal termasuk melengkapkan keperluan kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) dan komponen mesra autisme telah

menjadi sebahagian daripada aspek reka bentuk bandar.

b. **Penurunan bilangan isi rumah**

Tahun	Isi Rumah
2010	4.3
2020	3.8

- Amat jelas sekali, tren ini **membawa implikasi kepada perancangan dan pembangunan bandar dari segi penyediaan dan reka bentuk perumahan, kemudahan masyarakat dan infrastruktur.**

**FOKUS KERAJAAN BAHARU (MANIFESTO) DAN KPKT 2023**

29. Penubuhan Kerajaan Baharu di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 pada 24 November 2022 menuntut untuk kita terus melakukan transformasi di dalam sistem penyampaian kerajaan. Penjawat awam telah dilihat sebagai nadi perubahan untuk menghasilkan perubahan demi kesejahteraan rakyat.
30. Bagi menyatakan sokongan terhadap 'the government of the day' yang ada pada hari ini, Jabatan telus di dalam menyokong pelaksanaan manifesto Kerajaan Baharu Malaysia melalui produk dan inisiatif program/projek jabatan yang sedia ada dan boleh digunakan.

31. Sebanyak 14 manifesto Kerajaan Baharu yang menjurus kepada peranan PLANMalaysia iaitu:

- a) Reformasi Tanah Pertanian
- b) Rumah Mampu milik, Mampu Sewa; Akses kesihatan komuniti; Ruang Selamat
- c) Akses Sukan dan Rekreasi
- d) Fasiliti Penjagaan Sehenti
- e) Penstrukturan Semula Pendidikan Awal Kanak-kanak
- f) Pusat Penjagaan; Agenda Negara Menua
- g) Akses Orang Kurang Upaya (OKU)
- h) Pertumbuhan Industri Pusat Data
- i) Akses Mudah, Pergerakan Mudah; Regulasi dan Legalisasi Mobiliti Mikro
- j) Rancangan Infrastruktur dan Pembangunan Lestari; Kesiapsiagaan Banjir dan Bencana
- k) Pemidahan Fiskal Ekologi; Kawasan Perlindungan Marin
- l) Fasiliti Industri; Zon Perdagangan Bebas; Naik taraf Infrastruktur
- m) Meningkatkan keterlibatan awam
- n) Akses untuk semua

32. Komitmen/Agenda Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan

- i. Sebanyak tujuh (7) agenda utama Menteri di dalam menerajui KPKT dan **bidang fokus 6: Memperkukuhkan agenda bandar pintar dan bandar selamat** yang saya kira sangat dekat dengan komitmen PLANMalaysia pada masa ini. Perkongsian oleh Ts. Md Farabi Yussoff bin Md Yussoff yang membincangkan topik 'Malaysia ke arah Bandar Pintar' pada 15 Januari 2023 antara ruang dan peluang yang diberikan kepada jabatan seterusnya menyatakan kepada rakyat tugas



tersebut sedang dilaksanakan oleh KPKT melalui PLANMalaysia.

- ii. Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan juga akan memperhalusi pencapaian dan keberkesanan dalam Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025 yang menekankan **7 elemen utama iaitu *smart government, smart economy, smart living, smart mobility, smart environment, smart people dan smart digital infrastructure***. Walaupun ia merupakan komitmen Pihak Berkuasa Tempatan terhadap inisiatif ke arah kemajuan dan pembangunan bandar-bandar, namun tugas PLANMalaysia terutama di peringkat negeri amat besar.
- iii. Saya menyeru kepada semua pegawai terutama yang berada di negeri untuk tuntas memahami tujuh (7) elemen ini agar sebarang nasihat, panduan dan pelaksanaan agenda Bandar Pintar termasuk Bandar Selamat menjadi keutamaan sama ada ia disediakan di peringkat penyediaan blueprint, peringkat pelaksanaan projek dan sebagainya dapat memudahkan penilaian outcome dibuat pada masa akan datang.
- iv. Bidang fokus lain yang menjadi komitmen KPKT termasuklah:
  - Bidang Fokus 1: Membangun dan memperkasa peranan Kerajaan Tempatan;
  - Bidang Fokus 2: Membangun potensi PBT bagi menjana sumber pendapatan tambahan negara;
  - Bidang Fokus 3: Perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing;
  - Bidang Fokus 4: Pemeriksaan komuniti tanpa mengira kaum;

- Bidang Fokus 5: Pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif yang dapat menghasilkan tenaga hijau;
  - Bidang Fokus 7: Memperkukuhkan kesiapsiagaan kebombaian dan penyelamat termasuk menjaga kebajikan anggota bomba.
- v. Dengan *Tagline* “Stronger Together, Unity in Diversity dan Demi Pertiwi”, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyeru untuk kita semua bersatu hati membina kejayaan bersama sebagai satu pasukan yang unggul.

### **HALA TUJU JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLAN Malaysia)**

33. Selaras dengan Rancangan Korporat Jabatan Tahun 2022 bertemakan “Memperteguhkan Agenda Perancangan Bandar dan Desa ke arah Malaysia Madani” Jabatan telah menetapkan **dua belas (12) Resolusi dengan enam puluh lapan (68) tindakan** untuk saya mengajak Tuan-tuan dan Puan-puan bersama-sama saya melangkah ke hadapan.
34. **Dua belas (12) Resolusi yang disokong dengan 68 Tindakan (sehingga Tahun 2040) adalah:**
- i. Resolusi 1:  
Memperkukuhkan Fungsi dan Peranan MPFN, JPW, JPN dan Ketua Pengarah;
  - ii. Resolusi 2:  
Memperkukuhkan Peranan Jabatan Menyelaras dan Memantau Projek/Program Perancangan Bandar dan Desa;

- iii. Resolusi 3:  
Memperkukuhkan Fungsi dan Peranan PLANMalaysia Ibu Pejabat, Pejabat Projek dan PLANMalaysia Negeri;
- iv. Resolusi 4:  
Penentuan Produk-produk Baharu Perancangan;
- v. Resolusi 5:  
Menambahbaik Kandungan Produk Perancangan Sedia ada dan Kaedah Pelaksanaan;
- vi. Resolusi 6:  
Menyelaras Indeks-indeks Perancangan sebagai Panduan kepada Penggubalan Dasar, Perancangan Projek dan Pemantauan Outcome;
- vii. Resolusi 7:  
Memperkasa Agenda Pengantarabangsaan Bidang Perancangan Bandar dan Desa;
- viii. Resolusi 8:  
Memperkukuhkan Usaha Kolaborasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan;
- ix. Resolusi 9:  
Pengurusan Sumber Manusia;
- x. Resolusi 10:  
Meningkatkan Visibiliti Jabatan;
- xi. Resolusi 11:  
Meningkatkan Keberkesanan Libat Urus dengan Pemegang Taruh; dan

- xii. Resolusi 12:  
Meningkatkan Publisiti dan Promosi Perancangan.
35. Sebentar lagi, saya akan melancarkan dan menyerahkan Dokumen Pelan Tindakan RKJ Tahun 2022 sebagai aku janji kita bersama.
36. **Bagi pelaksanaan Resolusi RKJ pada tahun 2023, sebanyak sepuluh (10) Komitmen diberi keutamaan iaitu:**
- i. Memperkukuhkan Agenda Bandar Pintar;
  - ii. Memperkasakan Peranan PLANMalaysia dalam Program Bandar Selamat;
  - iii. Memperkukuhkan *Evidence Based Planning* melalui Penyelidikan, Maklumat Guna Tanah Negara dan MUO;
  - iv. Memperkasakan perundangan perancangan bandar dan desa;
  - v. Menambahbaik Kandungan Produk Jabatan dan Kaedah Pelaksanaan;
  - vi. Memperkukuhkan Fungsi MPFN, JPW, JPN dan Ketua Pengarah;
  - vii. Melaksanakan 4<sup>th</sup> Tier Planning: Micro Planning;
  - viii. *Follow Through Exercise* Dokumen Perancangan;
  - ix. Usaha Kolaborasi dan Pengantarabangsaan; dan
  - x. Meningkatkan Publisiti dan Promosi Perancangan.
37. Bagi melaksanakan 10 komitmen tersebut, sebanyak **dua puluh (20) Sasaran Jabatan** Tahun 2023 ini yang melibatkan perkara-perkara berikut:
- i. **Dua (2) Inisiatif Rancangan Pembangunan Nasional**
    - Kajian Semula Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) : Terma Rujukan.

- Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3) : Terma Rujukan
- ii. **Empat (4) Inisiatif Rancangan Wilayah (Berkepentingan Negara)**
  - Pelan Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi Cameron Highlands-Kinta-Lojing (RW CEKAL) : Laporan Awal
  - Kajian Perancangan Gunatanah Kawasan Sumber Makanan Negara : Laporan Akhir
  - Kajian Persempadanan Antara Daerah Pekan – Kuantan – Kemaman – Dungun - Jerantut (PAKADJ) : Laporan Awal
  - Konsep Rangka Kerja Pelaksanaan Marine *Spatial Plan*
- iii. **20 Rancangan Tempatan (dengan penambahbaikan kandungan)**
  - Rancangan Pemajuan Labuan 2040
  - RTD Rompin, Pahang 2035 (Penggantian)
  - RTD Hulu Terengganu, Terengganu 2035 (Penggantian)
  - RTD Pendang, Kedah 2035 (Penggantian)
  - RTD Baling, Kedah 2035 (Penggantian)
  - RTD Yan, Kedah 2035 (Penggantian)
  - RTD Padang Terap, Kedah 2035 (Penggantian)
  - RTD Sik, Kedah 2035 (Penggantian)
  - RT Majlis Daerah Sabak Bernam, Selangor 2035 (Penggantian)
  - RT Majlis Daerah Bera, Pahang 2035 (Penggantian)
  - RT Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian)
  - RT Majlis Daerah Marang, Terengganu 2035 (Penggantian)

- RT Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam, Kelantan 2035 (Penggantian)
- RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian)
- RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)
- RT Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) 2035 (Penggantian) – Terma Rujukan
- RTD Rembau 2035 (Penggantian) – Terma Rujukan
- RT Bandar Baharu – Terma Rujukan
- RT Majlis Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian) – Terma Rujukan
- RT Majlis Daerah Lipis, Pahang 2040 (Penggantian) – Terma Rujukan

iv. **Lapan (8) Rancangan Kawasan Khas**

- RKK Taman Negeri Royal Belum
- RKK Pulau Pangkor, Perak
- RKK Pembaharuan Semula Pusat Bandar Tangkak, Johor
- RKK Sedili, Kota Tinggi, Johor
- RKK Pembangunan Taman Negara Endau Rompin, Johor
- RKK Pembaharuan Semula Bandar Segamat, Johor
- RKK Persisiran Sungai Batu Pahat, Johor
- RKK Tapak Warisan Dunia Melaka (Penggantian)

v. **Sepuluh (10) LCRP**

- Projek LCRP Bandar Bentong, Pahang
- Projek LCRP Projek Heritage Trail Bandar Dungun, Terengganu
- Laporan Akhir LCRP Cadangan Laluan Pejalan Kaki di Pusat Bandar Kampong Gajah

- Laporan Akhir LCRP Cadangan Pintu Gerbang dan Papan Tanda Serta Pengindahan Laluan Masuk Utama Bandar Tanjong Malim
  - Penentuan Jenis Pembaharuan Semula Bandar (PSB) Bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kos Rendah di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang
  - Penentuan Keutamaan Produk Pelancongan Sungai Merbok River Cruise, Daerah Kuala Muda, Kedah
  - Taman Wilayah Kangar
  - Perpustakaan Desa di Sik Kedah
  - Penyediaan Place Making : Lady Dickson Park, Port Dickson, Negeri Sembilan.
  - Cadangan Denai Sungai Kebangsaan Sungai Kesang, Jasin, Melaka
- vi. **Lima (5) Program Komuniti: *Community Based Disaster Risk Management Plan***
- Daerah Marang, Terengganu;
  - Daerah Bera Pahang
  - Daerah Yan Kedah
  - Pesisir Sungai Batu Pahat, Daerah Batu Johor
  - Daerah Sabak Bernam Selangor
- vii. **Lapan (8) Blueprint/Pelan Tindakan Bandar Pintar**
- Pelan Tindakan Bandar Pintar MBBJ
  - Pelan Tindakan Bandar Pintar MBSA
  - Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban
  - Pelan Tindakan Bandar Pintar MP Klang
  - Pelan Tindakan Bandar Pintar MP Selayang
  - Pelan Tindakan Bandar Pintar LADA
  - Blueprint Bandar Pintar Negeri Terengganu

- Pelan Tindakan Bandar Pintar MP Kemaman
- viii. **Pemutihan 10 Kawasan Blackspot Jenayah**
- Senaraikan 10 Kawasan Blackspot (tunggu senarai dari BPP)
- ix. **Lapan (8) Garis Panduan Perancangan**
- GPP Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS)
  - GPP Bandar Rendah Karbon
  - GPP Ladang Penternakan Ayam
  - GPP Kemudahan Keagamaan Islam Dan Lain-Lain Agama.
  - Semakan GPP TLK – Kajian utk EV Charging
  - Semakan GPP Mobiliti Aktif
  - GPP Pembangunan Bandar Diraja
  - GPP Tapak Perkhemahan
- x. **Lima (5) Panduan Pelaksanaan**
- Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi Projek Pembangunan (PPSIA)
  - Panduan Pelaksanaan Persekitaran Mesra Autisme (PRISMA)
  - Kajian Semula Panduan Pelaksanaan Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)
  - Kerangka Panduan Bandar Mesra Kanak-Kanak (Child Friendly Cities)
  - Pengukuhan Mekanisme Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan



**xi. Lima (5) Kajian Penyelidikan/ Konsep/ Kerangka**

- Circular City
- Micro Planning
- Marine Spatial Planning
- Kertas Panduan Penginapan Kediaman Jangka Pendek (Short-Term Residential Accommodation - STRA)

**xii. Lima (5) Sesi Serahan Projek Brief: Follow Through Exercise**

- Bahagian Rancangan Fizikal Negara dan 4 Pejabat Projek Zon

**xiii. 18 Program Sebaran dan Outreach**

- Program *Outreach* kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT)/ Pemegang Taruh
- Program *Outreach* Dasar Perancangan dan Perundangan
- Program *Outreach* Jabatan
  - a. Sabah & Sarawak
  - b. IPTA
  - c. Sekolah Menengah/Rendah

**xiv. 5 Alert Paper Majlis Perancang Fizikal Negara**

- Pelan Induk Rangkaian Ekologi - *Central Forest Spine* (CFS)
- Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara-2 (RFZPPN-2)
- Kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Line - ECRL)
- Kajian Perancangan Gunatanah Kawasan Sumber Makanan Negara - Tanah Pertanian Under utilize

- Alert Paper Bandar Pintar

xv. **11 Modul Analitik MUO**

- Sub-modul analitik pengangkutan
- Sub-modul analitik perancangan ekonomi
- Sub-modul DPFDN
- Sub-modul IKP
- Sub-modul RFN
- Sub-modul DPN
- Sub-modul analitik perancangan Infrastruktur dan Utiliti
- Sub-modul RFZPPN (RPP2)
- Sub-modul CFS (RPP2)
- Sub-Modul National Smart City Platform di dalam MUO
- Sub-modul analitik alam sekitar dan risiko bencana

xvi. **Sistem Aplikasi Maklumat**

- Pengemaskinian s-CHARMS
- Pengemaskinian iPLAN
- Pengemaskinian MURNInets/iDAM

xvii. **Lima (5) Program Pengantarabangsaan**

- UK PACT
- World Bank
- ASEAN SDGs Frontrunner Cities (IGES)
- Smart Cities (ATC, TTC)
- EAROPH

xviii. **Sepuluh (10) Program Kolaborasi**

- UTM
- USM
- UiTM
- UIA

- UK PACT
- World Bank
- ASEAN SDGs Frontrunner Cities (IGES)
- Smart Cities (ATC, TTC)
  - SKMM
  - Jabatan Warisan Negara

xix. **16 Program Pelancaran Inisiatif Perancangan**

- RKK Taman Negeri Royal Belum
- GPP Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan
- Panduan Pelaksanaan Social Impact Assessment
- KAGUMN
- KAMUS Perundangan Perancangan
- 11 Program Publisiti RT

xx. **1000 Sebaran Media dan Promosi Jabatan**

38. Justeru, adalah penting untuk Keluarga PLANMalaysia sentiasa menjadikan '**urgency**' dalam setiap tugas, melaksanakan tugas **secara berjamaah dan 'togetherness'**. Usaha perlu sentiasa dilipatgandakan dan berani mengeksplorasi dalam mencari solusi yang kreatif dan inovatif serta praktikal bagi mencapai sasaran kerja tahun 2023.
39. Saya berharap momentum berdaya juang diperhebatkan oleh **857 orang Keluarga PLANMalaysia** untuk menjadikan hasrat ingin berubah menjadi kenyataan.
40. Marilah bersama-sama memugarkan perasaan **sense of belonging, esprit de corps** (semangat kekitaan/kebersamaan) dan menyerahkan **heart and soul** (jiwa dan raga) kepada organisasi dan bidang tugas kita

berkaitan perancangan bandar dan desa. Jadikan amalan kerja sepertimana menurut **sabda Nabi Muhammad s.a.w yang diriwayatkan oleh** al-Bukhari,

*“Apabila kamu berada pada waktu petang, janganlah kamu tunggu sehingga ke pagi. Jika kamu berada pada waktu pagi, janganlah ditunggu sehingga ke petang”.*

## **NILAI DAN SAHSIAH YANG PERLU BAGI KELUARGA PLANMalaysia**

41. Sepertimana yang dinyatakan sebentar tadi, Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Tiin: Ayat 4

. تَقْوِيمٌ أَحْسَنَ فِي الْإِنْسَانِ خَلَقْنَا لَقَدْ

*“Sungguh, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”*

Ayat ini menyampaikan mesej bahawa manusia yang merupakan Khalifah di muka bumi ini adalah seorang yang cemerlang. Walau bagaimanapun, kita tidak berupaya untuk menyerlahkan kecemerlangan kita. Kecemerlangan akan tercipta apabila manusia biasa seperti kita datang daripada keluarga biasa, dengan kecerdasan biasa dan berada di mana-mana sahaja di atas muka bumi ini **BERUSAHA SECARA LUAR BIASA.**

42. Justeru, saya ingin mengajak semua Keluarga PLANMalaysia untuk menyemai dan menanam enam (6) nilai SUPERB dalam sanubari masing-masing. Apakah SUPERB ?. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan 'SUPERB' membawa erti sangat/istimewa, hebat atau dengan lain perkataan ialah luar biasa, lebih daripada yang lain. Dalam bahasa Inggerisnya, ia disebut sebagai *of excellent quality; very great*.

43. Dalam konteks ini, saya ingin mengajak semua lapisan pegawai menampilkan **sahsiah yang unggul** bagi membentuk warga madani yang disegani oleh profesion lain. Ringkasnya perkataan **SUPERB** membawa erti,

- S Skillfulness - Kemahiran
- U Unity - Kebersamaan
- P Passion - Kesungguhan
- E Empathy - Belas kasihan
- R Responsive - Responsif
- B Believe – Kepercayaan

44. Sedikit kupasan mengenai perkataan **SUPERB** ini iaitu,

- i. **SKILLFULNESS (Kemahiran)** – Era pendigitalan telah memaksa setiap individu meningkatkan kemahiran yang bukan sahaja dapat diperolehi daripada menghadiri kursus semata-mata tetapi pada masa ini, semua daripada kita boleh belajar dengan melayari pelbagai platform media digital. Apa yang ingin saya tekankan di sini, kemahuan diri kita untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri sendiri adalah cabaran yang paling besar. Saya berharap semua warga Jabatan berani untuk mempelajari ilmu baharu setiap hari untuk melatih diri cekap, pantas

dan lancar menyiapkan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan termasuk dalam kehidupan seharian.

- ii. **UNITY (Kebersamaan)** – Memetik kata-kata Ibn Khaldun di dalam karya Muqaddimah telah menyatakan bahawa,

***“Setiap kerajaan dan tamadun di dunia akan bangkit dan jatuh bila perpaduan dalam ummah jadi longgar”.***

Menjadi satu kemestian, sebuah organisasi yang cemerlang adalah hasil kebersamaan dan perpaduan yang wujud di kalangan warganya. Marilah kita bersama-sama teguhkan dan perkuatkan ikatan kekeluargaan di kalangan warga Jabatan sebagai tanda sokongan tidak berbelah bagi kepada organisasi, agama, bangsa dan negara.

Seperti kata-kata YBhg. Dato’ Dr Fadzilah bin Kamsah pada sesi perkongsian ilmu di webinar pada 18 Julai 2022,

***“untuk melihat sebuah organisasi yang cemerlang, maka lihatlah warga jabatannya yang hidup penuh berintegriti”.***

- iii. **PASSION (Kesungguhan)** – Sentiasa melakukan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh, tidak berkira atau mencipta alasan bak kata pepatah, **di mana ada kemahuan, di situ ada jalan**. Lakukan dengan ikhlas dan jadikan amalan menepati masa sebagai pegangan.

Memetik kata-kata John C. Maxwell, seorang penulis Amerika menyatakan,

***“A great leader’s courage to fulfil his wisdom comes from passion, not position”***

- iv. **EMPATHY (Belas Kasihan)** – Sifat terpuji ini perlu ada dari setiap daripada kita. Sifat tolong menolong dan bantu membantu akan meringankan beban yang dipikul oleh orang di sekeliling kita. Amalkan sifat belas kasihan pada tempatnya yang betul supaya kehidupan kita di dunia ini mendapat keberkatan dan mudah segala urusan.
- v. **RESPONSIVE (Responsif)** – Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, ia membawa erti segera atau mudah memberikan kerjasama atau reaksi yang bersifat membantu terhadap sebarang usaha. Dalam konteks peranan dan fungsi Jabatan ini, sudah tentu tindakan refleksi yang pantas tertanam di minda kita semua. Tanamkan sifat minda kelas pertama di dalam diri kita masing-masing agar sebarang tindakan membawa kepada hasil yang positif.
- vi. **BELIEVE (Kepercayaan)** - Warga jabatan perlu menanamkan sifat percaya kepada setiap kejadian dan ketentuan Allah SWT. Apa jua pekerjaan yang dilakukan haruslah percaya bahawa kita mendapat pembalasan dari setiap apa yang dikerjakan.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Hujurat: Ayat 15

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ



*“Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)”.*

45. Kesimpulannya, saya mengajak semua keluarga PLANMalaysia untuk mencontohi sifat, adab, bicara dan tingkah laku **JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SWT** sebagai satu ikutan dan panduan hingga akhir zaman sementelah kita masih bergelar **PENJAWAT AWAM**.

### **PENGHARGAAN KEPADA KELUARGA PLANMalaysia**

46. Sebagai tanda terima kasih, pada hari ini saya dan pihak Pengurusan Tertinggi berbesar hati untuk menyampaikan beberapa anugerah kepada **‘UNSUNG HERO’ PLANMalaysia** atau dikatakan sebagai **HERO DI SEBALIK TABIR** di atas sumbangan mereka. Sesungguhnya, khidmat bakti dan pengorbanan yang dicurahkan tidak ternilai berbanding dengan wang ringgit.



47. Sebanyak **ENAM (6) ANUGERAH** dengan **TUJUH BELAS (17) ORANG** yang bertuah akan menerima penghargaan tersebut.
48. Pada hari ini juga, penghargaan akan diberikan kepada seorang warga Jabatan melalui Anugerah Pegawai Mithali Tahun 2022. Anugerah ini merupakan tanda terima kasih Jabatan kepada insan yang begitu komited, tekun, baik hati, sopan akhlaknya dan disenangi oleh kita semua. **TAHNIAH** kepada penerima **Anugerah Pegawai Mithali** ini.

### **PENGHARGAAN KEPADA PENERIMA ANUGERAH SEMPENA MIPPEA**

49. Tidak dilupakan kepada Bahagian Maklumat Gunatanah Negara di atas penganugerahan Silver Award: Planning Service Excellent Awards bagi Sistem Maklumat Perancangan Bersepadu (i-PLAN), PLANMalaysia Selangor dan PLANMalaysia Pulau Pinang yang telah berjaya merangkul anugerah di Majlis *The Malaysian Institute of Planners Planning Excellence Awards (MIPPEA)* yang telah berlangsung di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur pada 16 Januari 2023.

### **TAHNIAH DIUCAPKAN DAN TINGKATKAN MOMENTUM**

***Keluarga PLANMalaysia yang dikasihi,***

**PENUTUP**

50. Sebelum mengakhiri bicara amanat ini, saya mengucapkan Terima kasih kepada Pengarah dan seluruh lapisan pegawai Bahagian Korporat (BK) serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam mengurus dan menjayakan program kita pada pagi ini.
51. Saya ingin mengajak semua lapisan pegawai (HQ, Negeri, KADER dan OSC) agar terus bergandingan untuk melakukan perubahan bersama saya sebagai satu pasukan yang mantap.

***Ikat Bata Mengukuh Beranda,  
Pasang Para Biar Berseni,  
Bersama Kita Memperteguhkan Agenda,  
Bina Negara Berdaya Huni***

***Tepi Ampaian Pohon Siantan,  
Baunya Wangi Memikat Hati,  
Rai Kepelbagaian Patri Kekuatan  
Demi Pertiwi Dicurah Bakti.***

52. Akhir kalam,

*“Kitalah PLANMalaysia, “Ke Bukit Sama Didaki, Ke Lembah Sama Kita Turuni”*

**Sekian.**

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Disediakan oleh:  
Bahagian Korporat  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
19 Januari 2023